

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 16.5.2016**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah hasil inovasi dari segi bahan, kaedah, strategi dan sebagainya untuk meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran yang telah dihasilkan melalui Anugerah Guru Inovatif dan nyatakan sejauh manakah inovasi guru-guru ini telah berjaya meningkatkan kefahaman dan meningkatkan pencapaian pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Anugerah Guru Inovatif (AGI) diadakan sempena perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan setiap tahun sejak tahun 1999, bertujuan untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada guru atau kumpulan guru yang berjaya menghasilkan produk serta idea kreatif dan inovatif yang sesuai, menarik dan berkesan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Pemenang anugerah dipilih melalui Pertandingan AGI yang dilaksanakan oleh KPM. Sebanyak empat (4) kategori dipertandingkan iaitu Kategori Individu Prasekolah, Kategori Individu Sekolah Rendah, Kategori Individu Sekolah

Menengah, dan Kategori Kumpulan. Pencalonan diterima daripada semua Jabatan Pendidikan Negeri dan penghakiman dijalankan bagi menentukan pemenang bagi setiap kategori. Pemenang keseluruhan akan dipilih daripada pemenang-pemenang ini. Para pemenang akan diumumkan semasa sambutan Hari Guru Peringkat Kebangsaan dan akan menerima anugerah dalam majlis tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertandingan AGI telah berjaya melahirkan guru yang menghasilkan ciptaan baharu atau inovasi dari segi bahan, kaedah, proses, strategi untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian kandungan pembelajaran dalam melaksanakan kurikulum. Melalui pertandingan ini juga hasil ciptaan atau inovasi guru disebar, dimanfaatkan dan dikongsi dalam kalangan masyarakat pendidik bagi mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Pertandingan ini juga bertujuan merealisasikan keberhasilan bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 iaitu tumpuan utama diberikan kepada kaedah peningkatan kualiti pengajaran